



## Siaran Akhbar

### JUALAN PROTON MELEPASI JUALAN PADA TAHUN 2020

- Pembuat kereta nasional menjual lebih banyak kenderaan walaupun Jumlah Jualan Industri (TIV) lebih rendah.
- 13,362 unit dijual pada bulan Oktober meningkatkan jumlah jualan kepada 86,379 unit

**Subang Jaya, 3 November 2021** – Selepas meraikan kejayaan bulan Oktober apabila kadar jualan meningkat sebanyak 28.7% berbanding bulan sebelumnya, pembuat kereta nasional PROTON kini telah melepasi jualan dalam tempoh yang sama berbanding tahun lepas. Dengan jualan sebanyak 13,362 unit, jualan terkumpul setakat ini berada pada 86,379 unit, merupakan penambahan sebanyak 1.6% daripada jualan sepuluh bulan pertama tahun 2020 (84,999 unit).

Kejayaan ini bermakna Syarikat telah melangkaui prestasi Jumlah Jualan Industri (TIV) bagi pasaran automotif tempatan, yang telah menurun sebanyak lebih kurang 4.7% walaupun dengan jualan melebihi 65,000 unit buat kali pertama pada bulan Oktober untuk tahun 2021. Unjuran pegangan pasaran bagi bulan tersebut adalah sebanyak 20.5%, sementara pegangan pasaran bagi tempoh yang sama berbanding tahun lepas adalah sebanyak 22.7%.

#### **Model PROTON kekal menerajui jualan dalam tiga segmen**

Sebagaimana bulan-bulan dalam tahun 2021 sebelum ini, Proton Saga terus menerajui pencapaian jualan bagi PROTON. Sebanyak 5,107 unit telah dijual pada bulan Oktober, menandakan telah tiga kali model tersebut melepasi jualan melebihi 5,000 unit tahun ini. Dalam tempoh yang sama berbanding tahun lalu, Saga juga kekal sebagai peneraju jualan bagi sedan segmen-A yang tidak boleh dipertikaikan dan pilihan untuk pembeli yang mahukan kereta mampu milik dengan ciri-ciri terkini dan punyai dinamik perlumbaan yang terbukti.

Dua lagi peneraju jualan syarikat adalah merupakan model SUV, iaitu Proton X50 dan Proton X70. SUV segmen-B Proton X50 beroleh kejayaan terbaik bulan lalu sejak dari pelancarannya dengan jualan sebanyak 3,839 unit. SUV yang lebih besar, Proton X70 mengekalkan momentum dengan jualan sebanyak 2,165 pada bulan Oktober, hasil terbaik sejak bulan Mac tahun ini. Dengan hanya berbaki dua bulan tahun 2021, kedua-dua model X50 dan X70 berada di kedudukan selesa sebagai model jualan terbaik bagi segmen masing-masing dan membuktikan lagi bahawa citarasa pembeli telah beralih arah kepada model SUV.

Bagi rangkaian model yang lain, Proton Exora terus mendahului pasaran MPV segmen-C dengan jualan sebanyak 359 unit. Model Iriz dan Persona 2022 walau bagaimanapun terkesan teruk dengan kekurangan bekalan cip yang memberikan impak kepada produksi atau penghasilannya. Sebanyak 1,393 unit Persona dijual pada bulan Oktober manakala Iriz pula sebanyak 497 unit.



**PROTON**  
INSPIRING CONNECTIONS

“Jualan PROTON pada bulan Oktober boleh disimpulkan sebagai permintaan dari pelanggan yang tinggi dan potensi jualan yang belum direalisasikan. Sementara kita gembira dengan populariti Proton Saga dan pencapaian kedua-dua model SUV, kita terlepas untuk meningkatkan jumlah jualan oleh kerana kami berusaha untuk memperoleh bekalan komponen. Permintaan pasaran dijangka kekal kuat menjelang akhir tahun, jadi kami akan berusaha dengan lebih gigih untuk memastikan tahun 2021 ditutup dengan kejayaan besar,” kata Roslan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, Proton Edar.

### Lanjutan pengecualian cukai SST akan memberi manfaat kepada pelanggan

Pembentangan belanjawan Malaysia tahun 2022 baru-baru ini menyaksikan pengumuman bahawa Cukai Perkhidmatan dan Jualan (SST) bagi industri automotif akan dilanjutkan kepada 30 Jun 2022. Ini bukan sahaja membawa khabar gembira kepada pemain industri, tetapi juga kepada pelanggan mereka. Bagi PROTON, ini bermakna pembeli yang sabar menunggu kenderaan baharu mereka tidak lagi perlu bimbang akan kehilangan insentif jika kenderaan mereka diserahkan pada tahun hadapan.

“PROTON ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia di atas lanjutan pengecualian cukai SST. Dengan pengecualian tersebut, ia memberikan kami peluang untuk menunaikan tempahan yang telah diterima dan tidak memberikan kesan yang tidak adil pada pelanggan yang telah menunggu sekian lama akibat sesuatu yang luar dari kawalan mereka. Kami juga menjangkakan lanjutan tersebut akan meningkatkan jualan separuh tahun pertama tahun depan di mana kemungkinan banyak model akan diperkenalkan di pasaran,” tambah Roslan Abdullah.

-Tamat-

### PROTON Oktober 2021 – Prestasi Model secara Individu (termasuk export)

Model	Jumlah unit terjual	Pencapaian jualan untuk Oktober 2021
Saga	5,107	▪ Jualan sedan segmen-A kedua tertinggi
Persona	1,393	▪ Jualan sedan segmen-B ketiga tertinggi
Exora	359	▪ Jualan tertinggi MPV segmen-C
Iriz	497	▪ Jualan hatchback segmen-B keempat tertinggi
X70	2,165	▪ Jualan SUV segmen-C tertinggi
X50	3,839	▪ Jualan SUV segmen-B tertinggi
Total	*13,362	

\*Jumlah jualan model lain yang tidak dinyatakan dimasukkan pada jumlah jualan keseluruhan

### Mengenai PROTON

PROTON Holdings Bhd bermula sebagai projek kereta nasional pertama di Malaysia, yang diasaskan dengan tujuan memajukan pembangunan ekonomi Malaysia dan mewujudkan asas yang kukuh untuk industri automotif tempatan. Pada tahun 2017, PROTON bergerak ke fasa seterusnya untuk menjadi jenama automotif moden dan bertaraf global melalui kerjasama antara DRB-HICOM dan Zhejiang Geely Holding Group. Hari ini, PROTON terus menarik minat pelanggannya dengan penghasilan kereta yang menepati janji jenamanya iaitu ‘*Inspiring Connections*’ dan berdiri teguh dengan nilai terasnya untuk sentiasa mementingkan Teknologi Inovatif, Kobolehpercayaan dan bertaraf Antarabangsa.



**PROTON**  
INSPIRING CONNECTIONS